



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI ZAFRUL
BIN TENGKU ABDUL AZIZ,
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**BERSEMPENA
MAJLIS ANUGERAH
KECEMERLANGAN INDUSTRI (AKI) 2024**

11 JUN 2024

HOTEL MAJESTIC KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim,

Perdana Menteri Malaysia

YB Tuan Liew Chin Tong,

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

YBhg. Tan Sri Yong Poh Kon

Pengerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2024

YBhg. Dato' Hairil Yahri Bin Yaacob,

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha MITI,

Pegawai-pegawai Kanan MITI,

Ahli-ahli Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2024,

Persatuan-persatuan Industri, dan

Para Pemenang yang diraikan, serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini untuk meraikan pihak industri sebagai rakan kongsi utama Kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi negara.
2. Bagi pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa bagi menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri 2024 ini. Saya juga amat mengalu-alukan kehadiran anda semua. Selamat datang ke Majlis kami.
3. Dalam usaha untuk membentuk hala tuju perindustrian negara, tahun lepas MITI telah melancarkan beberapa dasar penting seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Rangka Kerja i-ESG dan Pelan Hala Tuju Industri Kimia. Tahun ini pula YAB Perdana Menteri baru sahaja melancarkan Strategi

Semikonduktor Nasional (SSN). Semua usaha ini menunjukkan bahawa Kerajaan MADANI sentiasa proaktif dan inovatif dalam memacu transformasi perindustrian tanah air kita.

4. Malah Laporan Prestasi MITI bagi suku pertama 2024 turut menyenaraikan pelbagai manfaat yang telah disalurkan kepada syarikat-syarikat tempatan - dari pembinaan kapasiti, pemberian geran hinggalah pinjaman mudah.
5. Kita mengharapkan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif ini, maka kecemerlangan syarikat-syarikat kita akan turut melonjak dan di sinilah Anugerah Kecemerlangan Industri atau lebih dikenali dengan nama ringkas AKI memainkan peranannya.
6. AKI ini adalah wadah atau platform bagi Kerajaan mengiktiraf syarikat yang cemerlang dalam **amalan pengurusan, kualiti produk dan perkhidmatan** serta sentiasa **memberikan nilai tambah kepada pemegang taruh masing-masing**.
7. Bagi memastikan AKI ini kekal relevan, ia telah melalui beberapa fasa penstrukturan semula di mana konsep, kategori dan faedah kemenangan telah dikaji dan ditambahbaik, sesuai dengan persekitaran dan perkembangan semasa industri.

8. Terkini, untuk AKI 2024, terdapat 13 kategori dipertandingkan termasuklah **Anugerah Kecemerlangan Sektor Pembuatan; Anugerah Kecemerlangan Sektor Perkhidmatan; Anugerah Kecemerlangan Kategori Terbuka; Anugerah Kecemerlangan Syarikat Paling Berpotensi** dan **Anugerah Kecemerlangan Industry4wrd**.

9. **Satu anugerah baharu** diperkenalkan kali ini iaitu **Anugerah Kecemerlangan ESG** yang selaras dengan perubahan dinamik dalam industri yang menitikberatkan aspek kelestarian, inovasi dan produktiviti khususnya bagi mengukuhkan daya saing di peringkat global.

10. Kesemua kategori ini mencerminkan teras-teras yang ditekankan oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu kita, dan juga polisi-polisi lain. Jadi, sememangnya setiap anugerah ada objektif yang jelas untuk dicapai bagi peningkatan sektor industri kita.

11. Di kalangan pemenang-pemenang ini juga, satu syarikat akan dipilih dan dijulung sebagai penerima **Anugerah Perdana Menteri**, iaitu pengiktirafan terulung dan paling berprestij yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada pihak industri.

12. Alhamdulillah, sambutan bagi AKI tahun ini sangat menggalakkan. Sejak penyertaan dibuka pada 1 April 2023, sebanyak 153 syarikat telah menghantar permohonan. Ini merupakan **peningkatan hampir 100% berbanding 78 syarikat yang menyertai AKI pada tahun 2020.**

13. Secara keseluruhan, hasil eksport kesemua syarikat-syarikat ini adalah **lebih kurang RM4 bilion**¹ - walaupun angka ini tidak berapa besar, namun kami percaya kesemua syarikat in mempunyai potensi besar untuk meningkatkan eksport masing-masing di masa akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Manfaat penyertaan AKI ini bukan sahaja tertumpu kepada anugerah yang dapat diraih, malah semua syarikat yang menghantar permohonan diberikan laporan penilaian terperinci berkaitan pengurusan operasi, perkhidmatan dan produk beserta cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kecemerlangan syarikat.

¹ RM3,667,651,042 bagi tahun 2023.

15. Suka saya maklumkan bahawa penilaian bagi laporan terperinci ini dilakukan oleh pasukan penilai bebas dan berdasarkan standard penilaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu *Malaysian Business Excellence Framework* (MBEF).

16. Komponen di bawah MBEF yang digunapakai untuk menilai kecemerlangan perniagaan adalah berdasarkan **kepentingan kepimpinan, strategi, pelanggan, pengukuran, analisis, pengurusan pengetahuan, tenaga kerja, operasi dan hasil**, sama seperti yang dipraktikkan di negara-negara maju.

17. Memandangkan penilaian yang dilaksanakan adalah komprehensif, ianya juga berfungsi untuk Kementerian mendapatkan *indicator* awal bagi mengukur 'kesihatan' industri atau *industry health check*. Ini adalah penting sebagai input kepada Kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan polisi-polisi perindustrian yang berkaitan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada tokoh-tokoh industri tempatan yang menganggotai Majlis AKI 2024 atau *AKI Council*. Majlis ini ditubuhkan untuk

membantu memuktamadkan penilaian dan memilih pemenang-pemenang berdasarkan kategori dan kriteria penilaian yang ditetapkan.

19. Terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Yong Poh Kon, Pengerusi Majlis AKI 2024 atas pandangan dan nasihat di sepanjang proses penilaian dan penganjuran AKI 2024. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya diucapkan kepada pegawai-pegawai MITI dan agensi yang bertindak sebagai ahli Jawatankuasa Penilai dan urusetia Majlis pada malam ini.

20. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat industri yang sentiasa memberikan kerjasama untuk menjayakan penganjuran AKI 2024. Kerjasama mereka terutama dalam mempromosi dan menyebarkan luas maklumat berkaitan AKI 2024 amatlah dihargai oleh pihak Kementerian.

21. Tahniah dan selamat maju jaya saya ucapkan kepada semua bakal pemenang. Semoga kemenangan tuan-tuan dan puan-puan menjadi sumber inspirasi kepada rakan-rakan industri yang turut hadir pada malam ini.

22. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

Sungguh sedap gulai keladi
Dimakan bersama ulam-ulaman
Pelbagai dasar dilaksana MITI
Untuk majukan industri tempatan

Anak ikan disambar helang
Terbang tinggi di atas angkasa
AKI iktiraf industri cemerlang
Usaha anda menjulang negara

Terima kasih dan teruskan usaha anda semua!